



BAB 7: NASIHAT LUQMAN AL-HAKIM



Kisah Luqman

Siapakah Luqman Al-Hakim

Luqman Al-Hakim ialah seorang hamba Allah yang soleh lagi bertakwa. Namanya tercatat dalam Al-Quran. Beliau dianugerahi ilmu pengetahuan, kebijaksanaan, kefahaman agama yang mendalam, serta kemuliaan dan kedudukan yang tinggi. Beliau hidup pada zaman Nabi Daud A.S.. Beliau digelar Al-Hakim kerana kata-kata hikmat beliau dan kisahnya menjadi pengajaran dan teladan kepada manusia. Luqman amat prihatin ketika mendidik anaknya agar anaknya dapat menjalani kehidupan berdasarkan syariat Allah.

Wasiat Luqman Buat Ibu Bapa – Suatu Renungan

Wasiat turut memainkan peranan yang penting dalam berdakwah. Para bapa memikul tugas yang amat berat untuk memelihara kebahagiaan keluarga. Umum tidak mengetahui bahawa wasiat yang diberikan oleh Luqman kepada anaknya itu merupakan salah satu ‘teknik’ dalam berdakwah. Sekiranya teknik ini diamati lalu dipraktikkan di dalam kehidupan seharian, nescaya anak-anak akan lahir sebagai Muslim yang beriman dan bertakwa kepada Allah S.W.T..

Abdul Rahman Hassan Al-Maidani berkata dalam bukunya ‘*Fikh Dakwah*’ bahawa terdapat 14 jenis permasalahan yang dapat dipelajari melalui kisah Luqman mendidik anaknya melalui ‘wasiat’. Bersama-samalah kita menilai wasiat tersebut yang mengandungi 14 permasalahan penting buat umat Islam selepas ini.

Permasalahan Pertama

Perkara pertama yang diajar oleh Luqman kepada anaknya ialah “Jangan Syirik kepada Allah”. Disebutkan di dalam wasiat ini, bahawa syirik kepada Allah adalah kezaliman yang amat besar. Mengapa? Kerana hal ini mengandungi syirik terhadap Rububiyatullah (Allah Yang Maha Berkuasa memelihara alam semesta) dan syirik terhadap Uluhiyatullah (Tidak ada Tuhan yang

disembah melainkan Allah). Atau dengan ertikata lain, mempersekutukan Allah dengan sesuatu lain yang juga mampu memelihara alam semesta dan mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain yang juga layak untuk disembah. Inilah yang dinamakan Syirik!!! Meskipun syirik terhadap Uluhiyatullah lebih ringan dari syirik terhadap Rububiyatullah, akan tetapi Allah tidak akan mengampuni dosa orang yang mati dalam hal demikian!

Syirik adalah sebesar-besar kezaliman. Zalim pula bererti meletakkan sesuatu bukan di tempat yang sepatutnya. Lagi sekali kita ingin mengajukan soalan. Mengapakah syirik dikatakan zalim? Telah disepakati bahawa Allahlah yang menciptakan makhluk semesta alam. Allah jualah yang menurunkan nikmat. Adakah layak kita samakan kekuasaan Allah ini dengan sesuatu kuasa yang lain? Jika ada dalam kalangan manusia yang menyamakan kekuasaan Allah dengan kuasa yang lain maka ia telah melakukan kezaliman!!!

Allah sahaja yang layak disembah dan diagungkan kerana apa yang dilakukan-Nya itu tak mampu dilakukan oleh kuasa lain. Tetapi jika kuasa lain yang diagungkan, maka inilah kezaliman, iaitu meletakkan sesuatu bukan di tempat yang sepatutnya. Inilah yang diperkatakan melalui ayat 13 surah Luqman yang bermaksud:

"Wahai anakku! Janganlah engkau mempersekutukan Allah. Sesungguhnya mempersekutukan Allah itu adalah kezaliman yang amat besar".

Permasalahan Kedua

Luqman mengajar anaknya supaya bersyukur kepada Allah atas anugerah nikmat-Nya yang tak terhitung luas dan banyak. Dan kesyukuran mengandung erti: Balasan perbuatan yang indah dan baik dengan perbuatan yang juga baik dan indah. Termasuk di dalam erti kata syukur ini ialah beribadah kepada-Nya dengan melakukan ibadat-ibadat seperti yang disyariatkan, mendekati diri kepada-Nya, menuntut keredaan-Nya, dan memuji-Nya serta menghadapkan diri dengan berdoa kepada-Nya yang Maha Esa.

Memuji lebih umum dari bersyukur kerana hak mutlak kepujian itu diberikan ke atas yang dipuji apabila bersifat dengan sifat atau sifat-sifat yang baik. Hatta yang dipuji itu tidak melakukan sesuatu kebaikan terhadap pemuji. Dan peringatan 'kesyukuran' kepada Allah ini dikaitkan dengan pembalasan pada hari Kiamat. Jika sekiranya kesyukuran itu kepada Allah, maka akan mendapat balasan pahala dan jika sebaliknya akan mendapat balasan seksaan di atas

kekufuran dan keingkaran. Inilah yang diperkatakan melalui ayat 14 surah Luqman yang bermaksud:

"Dan Kami wasiatkan (perintahkan) kepada manusia supaya berbuat baik kepada ibu bapanya. Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada-Ku tempat kembali".

Permasalahan Ketiga

Luqman mendidik anaknya agar berterima kasih kepada ibu bapa di atas susah payah dan jerit perih mereka membesarkan dan mendidik anak dengan segala macam pemberian dan kebaikan untuk anak tersayang. Tunaikanlah hak keduanya terutama kepada ibu. Kerana ibu bersusah payah menanggung penderitaan bermulanya dari proses mengandung sehinggalah melahirkan anak, menyusui sehingga tamat tempoh berakhirnya penyusuan selama 2 tahun, dan mentarbiyah anak siang dan malam.

Sesungguhnya ketaatan kepada ibu bapa walaupun berlainan agama adalah wajib diikuti kecuali apabila disuruh mengerjakan maksiat dan meninggalkan amal ibadat yang disyariatkan oleh Islam. Maka ketika itu haram mentaati perintah itu.

Lihatlah tingkatan terima kasih (syukur) yang ditonjolkan melalui wasiat ini. Terima kasih/kesyukuran kepada ibubapa datang selepas syukur kepada Allah. 'Logiklah' bahawa ucapan terima kasih/syukur ini pertama-tamanya buat Khaliq (pencipta). Selepas itu barulah diikuti pula buat makhluk yang didahului oleh ibu bapa yang tercinta. Inilah yang diterangkan melalui ayat 14 surah Luqman yang bermaksud:

"Dan Kami wasiatkan (perintahkan) kepada manusia supaya berbuat baik kepada ibu bapanya. Ibunya mengandungkannya dengan menderitanya kelemahan di atas kelemahan dan menceraikan menyusui dalam 2 tahun. Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada ibu bapamu! Kepada-Kulah tempat kembali".

Permasalahan Keempat

Luqman mendidik anaknya dengan menegah anaknya dari mentaati ibu bapa yang mendesak atau mengajak supaya mensyirikkan Allah dan segala macam perbuatan maksiat yang dilarang oleh Allah.

Walau bagaimanapun, kita sebagai anak wajib melayani ibu bapa dalam suasana yang penuh kebahagiaan dan kasih sayang. Setiap anak perlu melakukan kebaikan kepada ibu bapa seperti menjaga hal ehwal kewangan, hormat-menghormati, dan berkhidmat kepada mereka. Inilah yang diterangkan melalui ayat 15 surah Luqman yang bermaksud:

“ Dan kalau kedua-duanya memaksa engkau supaya menyekutukan Aku, apa yang tiada engkau ketahui, janganlah dituruti, dan bergaullah dengan kedua-duanya di dunia ini dengan secara patut”.

Permasalahan Kelima

Luqman menasihati anaknya agar melalui jalan yang dilalui oleh mereka yang kembali bertaut kepada Allah dengan keimanan, ketaatan, dan meredah jalan yang lurus (jalan yang Allah anugerahkan nikmat kepada mereka). Bukan jalan yang dilalui oleh mereka yang dimurkai Allah dan mereka yang sesat!

Mereka yang kembali kepada Allah ini terdiri dalam kalangan para rasul dan Nabi, golongan yang benar, dan sesiapa sahaja yang mengikuti mereka dengan keikhlasan dalam kalangan orang mukmin. Inilah yang diterangkan melalui ayat 15 surah Luqman yang bermaksud:

"Dan turutlah jalan orang yang kembali kepada-Ku".

Permasalahan Keenam

Luqman berpesan kepada anaknya supaya melakukan 'pemerhatian' tentang hari kiamat, urusan Al-Qadha, pembalasan amalan, serta melakukan pemerhatian terhadap segala arahan menyuruh dan meninggalkan sesuatu perkara dalam menongkah arus dunia ini. Inilah yang diterangkan melalui ayat 15 surah Luqman yang bermaksud:

"Nanti kamu akan kembali kepada-Ku dan akan Aku beritakan kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan".

Permasalahan Ketujuh

Luqman menerangkan kepada anaknya akan kesyumulan ilmu Allah yang melewati ilmu

manusia. Allah S.W.T. bebas melakukan apa sahaja tanpa sebarang halangan. Allah mendatangkan sesuatu yang diinginkan-Nya dari segenap tempat yang tidak mampu dilakukan oleh makhluk.

Sesuatu kebaikan atau kejahatan, kezaliman, dan kesalahan yang diumpamakan seperti seberat biji sawi walaupun tersembunyi jauh di dalam batu atau jauh berada di tempat yang tinggi seperti di atas langit, atau jauh berada di sedalam-dalam tempat seperti di dasar bumi akan didatangkan oleh Allah S.W.T. jua pada hari kiamat untuk dihisab atau dihitung dan diberikan ganjaran dosa atau pahala. Inilah yang diterangkan melalui ayat 16 surah Luqman yang bermaksud:

“Kata Luqman: Hai anakku! Sesungguhnya jika ada (amal engkau) seberat biji sawi dan ada (tersembunyi) dalam batu, di langit, atau di bumi, itu akan dikemukakan oleh Allah dan Allah itu Maha Halus (mengerti hal-hal yang halus) dan Maha Mengetahui”.

Permasalahan Kelapan

Luqman menyuruh anaknya agar menunaikan solat kerana solat merupakan suatu kefarduan melalui utusan-Nya di bumi (dalam kalangan Nabi dan rasul). Selepas manusia ditegah dari melakukan syirik dan ditakutkan dengan ilmu Allah dan Kudrat-Nya yang tidak dapat ditandingi oleh sesiapa, datanglah arahan supaya beramal dengan amalan-amalan yang serasi dengan prinsip-prinsip Tauhid, antaranya termasuklah solat. Solat adalah tiang agama serta dalil keimanan dan keyakinan hamba terhadap Ilahi. Solat sebagai jalan untuk mendekati diri kepada Allah serta membantu mencegah kemungkaran, kekejian, dan dapat menyucikan diri. Inilah yang diterangkan melalui ayat 17 surah Luqman yang bermaksud:

“Hai anakku! Dirikanlah solat”.

Permasalahan Kesembilan

Luqman menyuruh anaknya berbuat yang makruf (kebaikan) dan mencegah yang mungkar. Ini menunjukkan kepada kita bahawa arahan supaya menyuruh berbuat kebaikan dan mencegah kemungkaran adalah dari 'tugasan' yang terkandung dalam seruan Ilahi kepada Agama Islam sejak dahulu lagi. Inilah yang diterangkan melalui ayat 17 surah Luqman yang bermaksud:

"Suruhlah mengerjakan yang baik, cegahlah perbuatan yang buruk."

Permasalahan Kesepuluh

Luqman menasihatkan anaknya agar bersabar di atas segala perkara yang dibenci yang menimpa diri sama ada musibah itu datang dari Ilahi menguji diri, harta, suami isteri, dan anak-anak. Atau musibah ini berpunca dari bertembungnya dengan masyarakat yang membenci pendakwah (pendakwah bersifat pembawa hidayat, pemberi ingatan, pembaik pulih, dan pelindung) apabila menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran, dan apabila pendakwah mengajak manusia kepada agama Allah iaitu Islam serta lain-lain bidang atau cabang-cabang kebaikan.

Dimulakan wasiat dengan arahan solat dan ditamatkan dengan arahan supaya bersabar. Mengapa? Hal ini adalah kerana solat adalah tiang agama dan sabar merupakan asas kekalnya ketaatan sepanjang masa.

Secara jelas dapat difahami bahawa sabar menahan musibah ini tergolong dalam 'perkara yang berhajat kepada kehendak yang kuat dari tahap keazaman'. Inilah yang diterangkan melalui ayat 17 surah Luqman yang bermaksud:

"Dan berhati teguhlah menghadapi apa yang menimpa engkau, sesungguhnya (sikap) yang demikian itu termasuk perintah yang sungguh-sungguh".

Permasalahan Kesebelas

Luqman menasihati anaknya agar jangan takabbur dengan apa-apa pergerakan sekalipun yang menunjukkan kesombongan dan ketinggian diri di depan manusia. Luqman berpesan agar jangan memaling muka apabila bercakap dengan manusia kerana hal ini menunjukkan sifat takabbur dan menghina (merendah-rendahkan seseorang). Jangan takabbur dan merendah-rendahkan seseorang. Jangan memaling muka, membantah, atau membangkang tanpa usul periksa. Sentiasalah tawaduk (merendahkan diri), berlemah lembut, manis berbicara, senang diajak berbicara, seronok diajak berbicara, riak muka yang gembira, ramah, dan menjadi pendengar yang baik. Inilah yang diterangkan melalui ayat 18 surah Luqman yang bermaksud:

"Janganlah engkau memalingkan muka engkau dari manusia kerana kesombongan".

Permasalahan Kedua Belas

Luqman nasihati anaknya agar tidak berjalan di atas muka bumi ini dengan menampakkan keseronokan yang amat sangat hinggalah akhirnya keseronokan ini melebihi had di dalam pergerakannya dan membezakan kelakuannya dengan manusia lain kerana hal ini mengandung ciri-ciri berlebih-lebihan atau jauh dari kesederhanaan. Ciri-ciri ini menjadikan orang yang gembira bersikap takabbur dan sombong yang melebihi had syarak. Inilah yang diterangkan melalui ayat 18 surah Luqman yang bermaksud:

"Dan janganlah berjalan di bumi dengan angkuh! Sesungguhnya Allah tidak mencintai sekalian orang yang sombong dan membanggakan diri".

Permasalahan Ketiga Belas

Luqman menasihati anaknya agar bersederhana dan sekata ketika berjalan. Tidak terlalu perlahan hingga menampakkan kemalasan, kelambatan yang amat sangat sehingga menampakkan diri lemah semacam ingin dikatakan 'zuhud'. Tidak terlalu laju sehingga menonjolkan sikap berlebih-lebihan serta tidak peduli kepada suasana di sekeliling. Bersikap sederhana dan sekata antara lambat dan laju merupakan tanda/lambang seseorang itu tenang, berakal, dan cergas. Inilah yang diterangkan melalui ayat 19 surah Luqman yang bermaksud:

"Dan besederhanalah dalam berjalan".

Permasalahan Keempat Belas

Luqman menasihati anaknya agar merendahkan suara dan mencukupi suaranya didengari mengikut hajat atau keperluan pendengar. Inilah antara adab bersuara dan bercakap untuk keperluan. Diterangkan dalam wasiat ini, bahawa mengangkat suara tanpa hajat/keperluan merupakan perkara yang dikutuk, dikecam, dan tidak disukai. Contoh yang akan diberikan dalam ayat berikut ini bahawa seburuk-buruk suara adalah suara himar(keldai) kerana suara himar pada awalnya suara mengeluh dan akhirnya menjadi suara menguak atau melalak.

Inilah yang diterangkan melalui ayat 19 surah Luqman yang bermaksud:

"Dan lembutkanlah suara engkau! Sesungguhnya suara yang amat buruk ialah suara himar".

Kisah Luqman Buat Renungan

Dalam sebuah riwayat diceritakan, pada suatu hari Luqman telah masuk ke dalam pasar dengan menaiki seekor himar, manakala anaknya mengikuti dari belakang. Melihat tingkah laku Luqman itu, sesetengah orang pun berkata, “Lihat orang tua yang tidak bertimbang rasa, sedangkan anaknya dibiarkan berjalan kaki”. Setelah mendengarkan desas-desus dari orang ramai maka Luqman pun turun dari himarnya itu lalu diletakkan anaknya di atas himar itu. Melihat yang demikian, maka orang di pasar itu berkata pula, “Lihat orang tuanya berjalan kaki sedangkan anaknya enak menaiki himar itu, sungguh kurang ajar anak itu”.

Sebaik saja mendengar kata-kata itu, Luqman pun terus naik ke atas belakang himar itu bersama-sama dengan anaknya. Kemudian orang ramai pula berkata lagi, “Lihat itu dua orang menaiki seekor himar, adalah sungguh menyeksakan himar itu”. Oleh kerana tidak suka mendengar kata-kata orang, maka Luqman dan anaknya turun dari himar itu, kemudian terdengar lagi suara orang berkata, “Dua orang berjalan kaki, sedangkan himar tidak dikenderai”.

Mendengar kata-kata ini, Luqman pun memberitahu anaknya, “Beginilah keadaan masyarakat. Mereka hanya pandai komen, pandai melihat kesalahan orang. Ada saja yang tidak betul. Kalau kita ikut saja kata-kata mereka, rosaklah kita. Kita tidak boleh terima pandangan mereka secara melulu. Kita tidak boleh terima pandangan mereka secara melulu. Kita kena fikirkan kesemuanya dan kita buat apa yang difikirkan baik bagi kita. Jangan pedulikan komen mereka”.

Moral dan Iktibar

1. Kebanyakan orang memang suka mencari kesalahan orang.
2. Yang baik jadikan teladan, yang buruk jadikan sempadan.
3. Pendapat dan komen masyarakat tidak boleh diikuti secara melulu, kecuali memang ada asas dan kebenarannya.

4. Pertimbangan mestilah berdasarkan keadaan dan senario yang kita hadapi.

Gambar Foto Makam Luqman Al-Hakim di Alex City, Egypt

